

Mahkamah: Sanusi dihalang terbit, ulang kenyataan fitnah terhadap Anwar

KUALA LUMPUR: Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor dihalang daripada mengeluarkan, mengulangi dan menerbitkan kenyataan memfitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam media sosial, laman web dan mana-mana platform lain sehingga pelupusan kes saman Perdana Menteri terhadapnya.

Injunksi itu adalah berkaitan kes saman fitnah yang yang difailkan Anwar terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeneri itu berhubung ucapan berbau fitnah dalam satu kempen ceramah 'Jelajah PN Best Tambun', tahun lalu.

Perkara itu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar semalam ketika membenarkan permohonan Anwar

untuk mendapat perintah injunksi *inter-parte* (kedua-dua pihak) terhadap Muhammad Sanusi.

Perintah tersebut dikeluarkan oleh Hakim Mahazan Mat Taib selepas mendengar penghujahan peguam Datuk S.N. Nair yang mewakili Perdana Menteri dan Yusfarizal Yussoff pada prosiding yang dijalankan secara dalam talian pada 16 Oktober lalu.

Mahkamah kemudian menetapkan 19 Februari tahun depan bagi pengurusan kes dan maklum balas berhubung pemfailan dokumen sebelum perbicaraan.

Dalam tuntutan samannya, Anwar mendakwa, ucapan dalam ceramah itu diterbitkan atau menyebabkan penerbitan

semula dan disiarkan secara siaran langsung di aplikasi Facebook di bawah nama 'Faizal Azumu' yang mendapat tontonan melebihi 88,000 kali, 531 reaksi, 58 kali perkongsian dan 384 komen, setakat tarikh pemfailan saman itu.

Sementara itu, Nair memberitahu pihak media, meskipun kes saman itu masih menunggu pendengaran, Muhammad Sanusi telah mengulangi kenyataan fitnah serupa berkaitan perbicaraan kes jenayah membabitkan Anwar.

Kenyataan itu dibuat dua ceramah iaitu Jelajah PN Best Negeri Sembilan pada 18 Mac lalu di Nilai, Negeri Sembilan dan Jelajah Selangor Baharu-Selayang pada 11 Julai di Selayang dekat sini.